

Kolaborasi Hospital UCSI, Universiti UCSI dan USIM tubuh hospital pengajar



Gambar kredit laman FB UCSI University



28/02/2022 11:51 PM

PORT DICKSON, 28 Feb – Buat julung kalinya sebuah hospital swasta pengajar ditubuhkan menerusi kerjasama Hospital UCSI, Universiti UCSI dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), bagi menggalakkan pertukaran kakitangan akademik dan penyelidik di Hospital UCSI.

Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan UCSI Datuk Peter Ng berkata ia merupakan hospital swasta pertama di negara ini dengan 'public wing' (sayap awam) yang membolehkan orang awam mendapatkan perkhidmatan perubatan berkualiti tinggi yang dilengkapi dengan teknologi canggih serta pasukan doktor dan penjaga yang berpengalaman.

"Usaha itu tidak terhad kepada pakar perubatan sahaja malah turut melibatkan profesional penjagaan kesihatan lain bagi operasi harian di hospital pengajar berkenaan.

"Saya berharap melalui perkongsian ini, kita dapat memenuhi keperluan sistem penjagaan kesihatan negara dengan melahirkan lebih ramai doktor, pakar, dan jururawat terlatih yang berkualiti serta bakat dalam disiplin yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu Peter yang mewakili Hospital UCSI telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan bersama Naib Canselor Universiti UCSI Prof Datuk Ir Ts Dr Siti Hamisah Tapsir serta Naib Canselor USIM Datuk Dr Mohamed Ridza Wahiddi.

Peter berkata hospital pengajar itu dapat menyediakan pengajaran dan latihan klinikal kepada doktor, jururawat, dan profesional kesihatan serta rawatan perubatan kepada pesakit termasuk penyelidikan perubatan.

ANNOUNCEMENT
BY BIOECONOMY CORPORATION

BIONEXUS STATUS COMPANY

Application for BioNexus Status and tax incentives
Extended from 1 January 2021 to 31 December 2022

For more information, visit
www.bioeconomycorporation.my

Sementara itu Naib Canselor Universiti UCSI Prof Datuk Ir Ts Dr Siti Hamisah Tapsir berkata hospital UCSI bersama Universiti UCSI dan USIM akan mengambil bahagian dalam pertukaran pelajar, akademik dan kakitangan penyelidik.

"Pengabungan pengajaran bilik darjah dan praktikal membolehkan bakal doktor dan jururawat dapat menghadapi dunia perubatan sebenar apabila bekerja nanti," katanya.